



MPC (ISO) C7/ P4/F.03

Semakan: 0

Tarikh: 25.10.2011

Mukasurat: 1/1

SURAT PERSETUJUAN ORGANISASI UNTUK MELAKSANAKAN KURSUS PERMINTA

1. Surat persetujuan dicetak menggunakan "Letterhead MPC".
2. Diisi dalam **DUA** salinan & ditandatangani serta dicop rasmi oleh kedua-dua pihak.
3. Salinan pertama untuk MPC (fail kursus) dan salinan kedua untuk organisasi berkenaan.

1. Perjanjian ini adalah persetujuan antara:

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)

dan

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

untuk menjalankan kursus

permintaan bertajuk :

**BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN HALATUJU
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)**

seperti berikut:

Tempat : **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)**Tarikh : **4-6 Julai 2023**Masa : **Rujuk kepada Agenda**

2. Pihak organisasi tuan/puan perlu menyediakan keperluan dan peralatan pengendalian kursus yang diperlukan serta bersesuaian dengan pihak MPC.

3. Pihak tuan/puan perlu menjelaskan yuran sejumlah: **RM8,000.00**(Ringgit Malaysia : **Lapan Ribu Sahaja**)dan dibayar melalui cek atas nama "PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA" atau didebitkan ke dalam akaun **Maybank Islamik (5510 1670 0534)** sebelum kursus berjalan atau menyertakan Pesanan Jabatan (LO) atau Surat Akuanji Pembayaran sebagai jaminan bayaran

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh : PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Tandatangan :

Nama : **Nazilah Ahmad**Jawatan : **Manager**Tarikh : **27 Jun 2023**

Dipersetujui menerima cadangan ini:

Tandatangan :

Nama :

RUHAIDAH BINTI ABAS

Jawatan :

Pegawai Ekuwal Ekonomi E41

Tarikh :

**Bagian Perancangan Strategik
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia****27/6/23**

COP RASMI ORGANISASI



KERTAS CADANGAN KURSUS

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN HALATUJU LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

Disediakan untuk:

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

Wisma Nanas, No.5, Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru UDA,
81200 Johor Bahru

Tel: 07-2361211

(U/P: **PN. RUHAIDAH BINTI ABAS**)

Tel: 019-2771185

Emel: : ruhaidah@mpib.gov.my

*Semua maklumat yang terkandung dalam kertas cadangan ini adalah sulit dan rahsia disediakan untuk **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** dengan pemahaman bahawa ianya tidak akan digunakan atau didedahkan pada pihak lain tanpa kebenaran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), kecuali untuk tujuan penilaian sahaja.*

26 Jun 2023

Disediakan oleh:

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Pejabat Wilayah Selatan,
No. 8 Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru UDA,
81200 Johor Bahru

Tel: 07-237 7422, 238 8464

Fax: 07-238 0798

1.0 Tujuan

Kertas cadangan ini disediakan bagi memenuhi keperluan latihan **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** untuk menganjurkan satu bengkel untuk membangunkan pelan halatuju sehingga tahun 2030. **Bengkel Pelan Halatuju Pembangunan Industri Nanas 2030 akan** diadakan sebagai kesinambungan daripada Pelan Strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2019 – 2025. MPC Pejabat Wilayah Selatan akan bertindak sebagai penyelaras untuk program ini dalam menyediakan fasilitator.

2.0 Latarbelakang

Penganjuran bengkel ini adalah selaras dengan hasrat YBrs. Tuan Pengerusi LPNM untuk memperkukuh dan memastikan pelan perancangan strategik sedia ada diperkasa dan dimurnikan dengan penglibatan semua pemegang taruh yang melibatkan Sektor Pengeluaran, Sektor Pemasaran dan Pengeksport, Sektor Pemprosesan, Sektor Agropelancongan dan Sektor Agropreneur Muda.

3.0 Objektif

Dengan mengikuti bengkel ini objektif berikut dapat dicapai melalui 5 bidang tumpuan berikut:

Pengeluaran	Inisiatif bagi meningkatkan produktiviti ladang nanas yang melibatkan penggunaan teknik pertanian yang lebih canggih, seperti pemilihan varieti nanas yang unggul, penggunaan baja yang tepat, pengurusan penyakit dan perosak yang berkesan, serta teknik irigasi yang efisien.
Pemasaran	Inisiatif bagi mengembangkan pasaran domestik dan antarabangsa. Ini melibatkan pemasaran yang efektif, peningkatan jaringan perniagaan, serta peningkatan promosi produk nanas Malaysia di pasaran global.
Pemprosesan	Inisiatif bagi menggalakkan pemprosesan produk rantaian nilai tambah, seperti produk makanan dan minuman yang menggunakan nanas sebagai bahan utama.
Agropreneur Muda	Inisiatif dalam membangunkan keusahawanan dan industri pengeluaran nanas. Ini melibatkan peningkatan kapasiti petani dan pengusaha dalam pengeluaran nanas, pendedahan kepada teknologi terkini, serta penyediaan sokongan dan latihan dalam aspek pengurusan perniagaan dan pemasaran.
Agropelancongan	Inisiatif bagi mempromosikan industri nanas, memberikan pengalaman interaktif, dan menyumbang kepada pembangunan keusahawanan serta kelestarian alam sekitar.

4.0 Sasaran Peserta

- 4.1 Pemilihan dan penyediaan peserta akan dibuat sepenuhnya oleh pihak **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)**
- 4.2 Bilangan peserta bagaimanapun dihadkan kepada 30 - 35 orang bagi setiap sesi. Bilangan yang lebih ramai akan mengurangkan tahap keberkesanan kursus.
- 4.3 Pihak **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** dikehendaki menghantar senarai peserta yang mengandungi nama, jawatan dan unit / bahagian masing-masing.

5.0 Metodologi

- 5.1 Penggunaan metodologi yang akan dijalankan secara atas talian:
 - Syarahan
 - *Case Study*
 - Slaid Persembahan
 - Kerja dalam kumpulan
- 5.2 **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** perlu menyediakan kelengkapan / peralatan untuk kegunaan latihan sebagaimana berikut semasa kursus:
 - Kemudahan Akses Internet
 - *Laptop/Komputer Riba*
 - Bilik latihan dengan kemudahan dan susunatur yang sesuai (meja dan kerusi)
- 5.3 Bahan visual (imej/ gambar/ rakaman video, dll.) mengenai persekitaran di tempat lazimnya perlu disediakan sebagai salah satu bahan bantuan mengajar. Ini bagi menambahkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran.
- 5.4 Sehubungan dengan itu, pihak **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** perlu memberi kebenaran kepada MPC bagi maksud ini. Rakaman / gambar adalah semata-mata untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran semasa kursus sahaja dan akan dimusnahkan selepas tamat kursus.
- 5.5 Pengesahan bertulis dari pihak **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** adalah diperlukan sebelum program ini dapat dijalankan. Ini dibuat dengan pihak **Lembaga Perindustrian Malaysia** menyempurnakan maklumat seperti di dalam dokumen **SURAT PERSETUJUAN ORGANISASI UNTUK MELAKSANAKAN KURSUS PERMINTAAN** di dalam dua salinan. Satu salinan hendaklah dikembalikan kepada MPC Pejabat Wilayah Selatan.
- 5.6 Pengesahan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **14 hari bekerja** dari tarikh kursus hendak dijalankan.

6.0 Tempat dan Tarikh

- 6.1 Tempat : **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)**
- 6.2 Tarikh : **4 – 6 Julai 2023**
- 6.3 Masa : **Rujuk Agenda (3 hari)**
- 6.4 Fasilitator akan disediakan oleh pihak MPC Wilayah Selatan.

7.0 Pembayaran

- 7.1 Jumlah yuran kursus adalah sebanyak **RM8,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Ribu Sahaja)** akan dikenakan bagi 3 hari. Bayaran ini meliputi yuran professional, bahan program (nota kursus, fail & sijil penyertaan) dan lain-lain bahan guna habis untuk program.
- 7.2 Perbelanjaan untuk urusan penyediaan makan / minum peserta (semasa kursus, jika berkaitan) serta tempat program adalah ditanggung oleh pihak **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)** sepenuhnya.

8.0 Pertanyaan dan Perbincangan Lanjut:

Untuk keterangan dan perbincangan lanjut, sila hubungi:

PENGARAH

Perbandanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Pejabat Wilayah Selatan
No. 8, Jalan Padi Mahsuri
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor

(U/P: Pn. Nazilah Ahmad)

Emel: nazilah@mpc.gov.my

Tel: 07-237 7422 / 019-3040514

Faks: 07-238 0798

Agenda Program

Organisasi/Syarikat : Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
Tarikh : 4 – 6 Julai 2023
Tempat : Akan ditentukan
Masa : Rujuk Agenda Program (3 hari)

Tarikh / Hari	Masa	Perkara
4 Julai 2023 (Selasa)	2.00 Ptg – 2.30 Ptg	Pendaftaran & <i>Check In</i>
	2.30 Ptg – 5.00 Ptg	Keynote Address Ketua Pengarah LPNM
	5.00 Ptg – 8.30 Mlm	Rehat / Makan Malam / Solat
	8.30 Mlm – 10.00 Mlm	Sesi Bengkel Penyediaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023
	10.00 Mlm	Minum Malam
5 Julai 2023 (Rabu)	7.00 Pg - 8.30 Pg	Sarapan Pagi
	8.30 Pg - 10.30 Pg	Sesi Bengkel Penyediaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023
	10.30 Pg - 10.45 Pg	Minum Pagi
	10.30 Pg - 12.30 T/Hari	Sesi Bengkel Penyediaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023
	12.30 T/Hari - 2.00 Ptg	Makan Tengahari / Rehat / Solat
	2.00 Ptg - 5.00 Ptg	Sesi Bengkel Penyediaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023
	5.00 Ptg – 6.30 Ptg	Sesi Ramah Mesra Pengerusi Bersama Pemain Industri
	6.30 Ptg – 8.30 Mlm	Rehat / Makan Malam / Solat
	8.30 Mlm – 10.00 Mlm	Sesi Bengkel Penyediaan Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023
6 Julai 2023 (Khamis)	7.00 Pg – 8.00 Pg	Sarapan Pagi
	8.30 Pg – 10.30 Pg	Pembentangan Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023 ○ Pengeluaran ○ Pemasaran ○ Pemprosesan ○ Agropreneur Muda ○ Agropelancongan
	10.30 Pg – 10.45 Pg	Minum Pagi
	10.45 Pg – 11.45 T/Hari	Rumusan Bengkel Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023
	11.45 Pg – 12.30 T/Hari	Perasmian Penutupan Bengkel Pelan Hala Tuju Pembangunan Industri Nanas 2023 Oleh Pengerusi Lpnm
	12.30 T/Hari	Makan Tengahari / <i>Check Out</i>

Nota: * Pengisian Program Tertakluk Kepada Pindaan